

# PM NAFI KHABAR ANGIN ROMBAKAN KABINET

**KUALA LUMPUR 26 Nov.**  
— Dotuk Sri Dr. Mohathir Mohomad hari ini menafikan khabar - khabar angin kononnya beliau akan melakukan rombakan kabinet tidak lama lagi. Perdana Menteri jugo berkata, Encik Ghafar kini diberi cuti panjang dan akan kembali ke tanahair awal tahun deport. Timbalan Perdana Menteri kini beroda di London untuk bercuti rehat setelah menjalani pembedahan jantung awal bulan ini. Bercokop kepada para pemberita selepas merasmikan ceramah mengenai pengurusan kualiti di Hotel Hilton hari ini, Dotuk Sri Dr. Mohathir juga memberitahu bahawa beliau tidak akan melantik Pemongku Perdana Menteri semasa beliau menghadiri Sidong Kemuncak Ketuo - Ketua Negara ASEAN di Manila. "Sekejap saja saya pergi, tidak payah pemangku," kata beliau. Menjawab pertanyaan lain Perdana Menteri menolak khabar - khabar angin kononnya beliau akan membuat rombakan kabinet. "Tidak ado rombakan,"

katanya dan menjelaskan bahawa beliau tidak tahu mengenoi khabar angin itu sehingga ditanya oleh para pemberito. Mengenai Encik Lee Kim Sai yang sedang bercuti di luar negeri, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu bilakah Menteri Buruh itu akan pulang. Encik Lee telah bercuti muloi 28 Oktober lalu don beliau berlepas ke Melbourne, Australia.